



KENYATAAN MEDIA
YAB DATUK HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA

**PENGAYUH BECA DAN PEMANDU TEKSI DI MELAKA DAPAT
MANFAAT CARUMAN SKSPS PERKESO**

Kerajaan Negeri Melaka telah bersetuju untuk menaja caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kepada **325 pengayuh beca** daripada **empat persatuan beca** dan **805 pemandu teksi** di seluruh negeri Melaka.

Ia melibatkan peruntukan kewangan sebanyak **RM177,636.00** untuk caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) bagi tempoh setahun.

Caruman itu adalah bagi **Pelan 1**, skim tersebut dengan jumlah caruman sebanyak **RM157.20** untuk **seorang**.

Penajaan caruman itu membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri Melaka terhadap golongan pengayuh beca dan pemandu teksi yang rata-ratanya adalah daripada kelompok golongan berpendapatan rendah atau B40, di mana pekerjaan mereka terdedah kepada bencana kerja.

Justeru, caruman SKSPS tersebut bertujuan untuk memberikan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan terlibat serta tanggungan mereka jika berlaku sebarang musibah berkaitan pekerjaan mereka.

Selain itu, Kerajaan Negeri Melaka juga telah bersetuju memberikan **bayaran geran tahunan** berjumlah **RM21,000** kepada **21** Persatuan Pemandu Teksi dan Kereta Sewa di seluruh negeri Melaka.

Penajaan caruman tersebut juga adalah sebagai perangsang kepada pengayuh beca dan pemandu teksi yang terlibat berikutan sektor pelancongan adalah merupakan penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Melaka.

Walau bagaimanapun, akibat penularan pandemik COVID-19 menyebabkan sektor pelancongan Melaka terjejas teruk, sekali gus sasaran kedatangan pelancong ke Melaka bagi tahun 2020 dianggarkan seramai **5.6 juta orang**, berbanding seramai **18.7 juta orang** pada tahun 2019.

Sehubungan dengan ini, Kerajaan Negeri Melaka menggesa semua pemain industri agar dapat merebut peluang memanfaatkan pelbagai insentif yang disediakan Kerajaan bagi memastikan ekonomi negara dapat dipulihkan susulan pandemik COVID-19.

Ini termasuk **Insentif Pengambilan Pekerja** dan **Bantuan Latihan** (PenjanaKerjaya) yang menawarkan bantuan kepada majikan iaitu insentif sebanyak **RM600 hingga RM1,000** untuk tempoh maksimum **6 bulan**.

Elaun Mobiliti pula disediakan bagi pekerja yang terpaksa berhijrah dari wilayah bermastautin, sebanyak **RM600 atau RM1,000**.

Bagi memenuhi keperluan perusahaan dan pekerja mahir, majikan boleh memanfaatkan Program Latihan Insentif PenjanaKerjaya (IPK) yang disediakan oleh PERKESO bersama dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB). **Elaun Latihan** sehingga **RM4,000** bagi setiap pekerja boleh dipohon oleh majikan.

Sementara itu, Karnival PenjanaKerjaya "*Melaka Careertrans 2020*" menawarkan sebanyak **7,638** jawatan kosong termasuk **5,662** di Melaka.

Mengikut portal **MYFutureJobs**, terdapat **6,995** pencari kerja aktif di Melaka manakala sehingga **jam 7.20 pagi ini**, seramai **3,371** pencari kerja yang telah membuat pendaftaran awal untuk karnival selama dua hari bermula hari ini.

Kerajaan Negeri Melaka berharap orang ramai terutama rakyat Melaka agar tidak melepaskan peluang pekerjaan yang ditawarkan pada karnival ini.

Kerajaan Negeri Melaka dan PERKESO akan terus membantu mereka yang mencari pekerjaan dengan penganjuran temu duga terbuka di daerah lain di Melaka iaitu **Jasin** dan **Alor Gajah**.

-TAMAT-

DIKELUARKAN OLEH:

PEJABAT KETUA MENTERI MELAKA

18 OGOS 2020

